

Dr. Mahathir setuju bersemuka dengan PM

LANGKAWI 17 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad bersetuju untuk bersemuka dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam tempoh terdekat bagi meredakan ketegangan hubungan antara kedua-dua tokoh itu.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) yang telah mencadangkan perkara itu baru-baru ini dan beliau bersedia untuk bertemu Abdullah.

"Saya setuju. Nak tentu masa. (Sebagai) PM (Perdana Menteri) dia kerja banyak," kata Dr. Mahathir kepada para pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan

pemimpin masyarakat Islam dari selatan Thailand di Resort Kampung Tok Senik di sini hari ini.

Ditanya sama ada beliau bersetuju supaya pertemuan itu diadakan dalam bulan Ramadan ini, Dr. Mahathir yang juga bekas Presiden UMNO berkata, beliau juga bersetuju sekiranya ia diadakan sebelum ketibaan Hari Raya Aidilfitri ini.

Katanya, pada pertemuan itu kelak beliau akan membangkitkan Semula apa yang terbuku dalam hatinya Selama berada di luar kerajaan.

"Terpulang kepada Perdana Menteri (un-

tuk menerimanya atau sebaliknya)," katanya.

Ditanya apakah antara perkara yang akan dibangkitkan beliau kelak, Dr. Mahathir berkata: "Tunggulah pada hari pertemuan itu."

'Yang tu lah," katanya apabila ditanya lagi sama ada beliau akan mengungkit semula perkara-perkara yang pernah dibangkitkannya Sebelum ini.

Sebelum ini, bekas Perdana Menteri itu mengkritik kepimpinan Abdullah kerana beberapa keputusannya termasuk pembatalan jambatan indah bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Ma-

laysia dan Singapura.

Mengenai pertemuan dengan tujuh pemimpin Islam dari selatan Thailand yang diketuai Mudir Maahad Darul Makrifah, Wilayah Pattani itu, beliau berkata, ia hanya berkisar tentang keperluan masyarakat Islam di negara itu termasuk masalah dadah, pengangguran dan keperluan masjid.

Mahathir berkata, dalam pertemuan selama 30 minit itu, beliau bersetuju untuk mengumpul dana bagi membina sebuah masjid di Pasir Jawa, Wilayah Pattani untuk keperluan masyarakat Islam di situ.

- Bernama